

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 28 Julai 2021 9:02
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SOL AKAN TERUS BERDAYA SAING DAN BERKEMBANG



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

28 JULAI 2021 / 18 ZULHIJAH 1442H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

SOL AKAN TERUS BERDAYA SAING DAN BERKEMBANG



UUM ONLINE: Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani yakin Pusat Pengajian Undang-Undang (SoL) akan terus berdaya saing bagi memastikan kelestarian program profesional perundangan dapat berkembang sehingga ke seluruh pelusuk negara.

Keyakinan ini disuarakan di Majlis Penutupan Sambutan 10 Tahun Penubuhan Pusat Pengajian Undang-Undang UUM dan Pelancaran Edisi Pertama UUM Law Review di bawah seliaan Persatuan Mahasiswa Undang-Undang (LAWSOC), SoL secara atas talian.

Menurutnya, sepanjang 10 tahun penubuhan, SoL telah berjaya menghasilkan graduan yang cemerlang bukan sahaja dari segi teori tetapi juga secara praktikal apabila para alumni yang dilahirkan mampu mengamalkan segala ilmu yang dipelajari untuk memberi khidmat bakti kepada nusa dan bangsa.

“SoL menawarkan program yang sangat berprestij iaitu Bachelor of Law (LLB) dan Bachelor of Philosophy, Law and Business (BPLB) yang merupakan mercu tanda kepada penghasilan graduan. SoL turut menawarkan beberapa program di peringkat Sarjana, untuk penawaran di peringkat Ijazah Sarjana ini, lokasi pengajian bukan sahaja dibuka di UUM Sintok tetapi juga di UUMKL untuk memberikan lokaliti yang lebih luas,” ujarnya.

Malah Naib Canselor turut menghargai kerjasama para alumni dari SoL yang sentiasa bersedia membantu alma mater dan membimbing adik-adik mereka yang masih belajar dalam bidang perundangan yang memerlukan tunjuk ajar daripada pakar perundangan sendiri.

Selain menjadi tempat menyediakan ilmu, SoL juga turut memberikan perkhidmatan guaman secara percuma kepada masyarakat di luar sana terutamanya dari kalangan masyarakat setempat yang berada di sekitar UUM melalui Pusat Bantuan Guaman atau juga dikenali sebagai PBG. PBG ini telah ditubuhkan sejak dari tahun 2009 lagi dan sehingga kini masih lagi bersedia memberikan khidmat guaman serta nasihat perundangan kepada mereka yang memerlukan.

Selain PBG, pusat pengajian juga mempunyai pusat penyelidikan iaitu Legal Justice Research Centre (LJRC) sebagai platform kepada pensyarah SoL untuk berkolaborasi dengan penyelidik luar di samping menawarkan khidmat perundangan serta terlibat dalam kolaborasi projek dengan masyarakat.

Dalam majlis berkenaan, Prof. Dr. Ahmad Bashawir turut melancarkan penerbitan UUM Law Review yang diusahakan oleh para pelajar dari program Ijazah Sarjana Muda Undang-undang.

“Tujuan utama UUM Law Review ialah untuk mengembangkan dan membuktikan kemampuan pelajar dari segi kemahiran penulisan, penyelidikan dan analitikal di mana penerbitan ini akan menjadi platform kepada pelajar untuk menyuarakan pendapat melalui penulisan, cara untuk melakukan analisa sekali gus menghasilkan penulisan artikel terutamanya yang berlandaskan perundangan,” ujarnya.

Beliau percaya inisiatif yang diusahakan oleh para pelajar ini akan mengharumkan nama SoL dan UUM serta berharap agar UUM Law Review akan menjadi sebuah karya penerbitan yang dipercayai dan konsisten dengan standard karya yang akan dihasilkan pada masa-masa akan datang.

Sambutan SoL bermula sejak dari 1 Julai lalu dengan pelbagai aktiviti bagi meraikan 10 tahun penubuhan pusat pengajian. Di antara program dan aktiviti yang dianjurkan sepanjang sambutan ini antaranya ialah pertandingan video pendek, poster, esei, Anugerah Apresiasi, Slot Pengisian Rohani, Webinar Forum Mediasi, Webinar oleh Persatuan Mahasiswa LLB dan BPLB, dan

Syarah Prof. Adj. SoL iaitu Tan Sri Dato' Mohamad Ariff Md Yusof dan Tan Sri Datuk Seri Panglima Richard Malanjum.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.